

Bola Tampar Pantai UMS mendapat sambutan

UB 27.4.2013 A19
Oleh DESMOND QWEK
komaqwek2k5@gmail.com

KOTA KINABALU: Sebanyak 51 pasukan sedang berentap pada Kejohanan Bola Tampar Pantai Universiti Malaysia Sabah 2013 di gelanggang bola tampar pantai UMS bermula kelmarin dan berakhir esok.

Pengarah Unit Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah (gambar), berkata jumlah tersebut melibatkan penyertaan pasukan-pasukan dari seluruh negera termasuk pemain-pemain kebangsaan.

"Ini merupakan kali pertama UMS mengajurkan kejohanan bola tampar

pantai dan yang pertama juga seumpamanya di Sabah, dan kita amat suka cita keranakejohanan mendapat sambutan yang amat menggalakkan."

"Ini merupakan satu lagi sejarah yang dicipta oleh UMS dan saya pasti ini merupakan perintis kepada pembangunan sukan bola tampar pantai di Sabah selepas ini," ujar beliau.

Katanya, antara pasukan-pasukan yang bakal menjadi tumpuan ialah pasukan Putrajaya, Universiti Teknologi Malaysia (Johor), Universiti Kebangsaan Malaysia (Selangor),



pasukan Sukan Malaysia Wilayah Persekutuan, pasukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta beberapa pagi pasukan dari Kuala Lumpur, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Kejohanan tiga hari tersebut menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan bernilai lebih RM10,000 di mana juara bagi kategori lelaki akan menerima RM1,000 manakala juara bagi kategori wanita akan menerima RM700.

Perlawanan akhir dijadualkan berlangsung bermula jam 4.00 petang esok.